



PENGAJARAN PENYALAHGUNAAN DADAH DALAM KALANGAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT ¹

Mohd Noorazam Abd Razak², Fatin Aliana Mohd Radzi³, Mohamad Azmi
Adnan⁴, Hashbullah Ismail⁵, Ani Mazlina Dewi Mohamed⁶ &
Soffian Omar Fauzee ⁷

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji keberkesanan pengajaran terhadap penyalahgunaan dadah dalam kalangan murid tingkatan empat di sebuah sekolah menengah. Pembolehubah demografi (kelayakan akademik, pengetahuan ibu bapa dan pengalaman anggota keluarga) mempengaruhi keberkesanan pengajaran terhadap penyalahgunaan dadah di kalangan murid tingkatan empat di salah sebuah sekolah menengah di Shah Alam, Selangor. Seramai 80 murid dipilih sebagai responden bagi kajian ini. Mereka terdiri daripada 31 orang murid lelaki dan 49 orang murid perempuan. Kajian ini dijalankan berbentuk tinjauan (survey) dengan menggunakan borang soal selidik yang mengandungi empat bahagian sebagai instrumen kajian. Data-data ditafsirkan secara peratusan dan kekerapan sahaja. Keputusan kajian menunjukkan Keberkesanan Pengajaran Terhadap Penyalahgunaan Dadah terhadap pengetahuan murid tingkatan empat di salah sebuah sekolah di Shah Alam, Selangor. Keseluruhan murid bersetuju dengan setiap kenyataan berhubung persepsi mereka terhadap pengajaran penyalahgunaan dadah di sekolah. Selain itu, kajian ini juga mendapati ibu bapa adalah merupakan sumber sangat utama dalam memberikan maklumat penyalahgunaan dadah kepada

¹ Kajian telah dibentangkan di Persidangan Dadah Kebangsaan Pertama anjuran Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu, Sabah pada 17-18 Mac 2007

² Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Mara

³ Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Mara

⁴ Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Mara

⁵ Pensyarah, Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi, Universiti Teknologi Mara

⁶ Pensyarah, Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Mara

⁷ Profesor Madya, Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia



murid berbanding sumber-sumber lain. Hasil dapatan kajian juga mendapati sesi pengajaran penyalahgunaan dadah di sekolah boleh dipertingkatkan dengan menggunakan pelbagai kaedah pengajaran yang menarik dan juga tenaga pengajar yang mempunyai pengetahuan yang mencukupi berkaitan masalah dadah.

ABSTRACT

This research examines the effectiveness of drug abuse education in school. Demography variable in terms of academic qualification, parent's knowledge and family experience that influence the effectiveness of drug abuse education among the form four students at secondary school in Shah Alam, Selangor. The respondents of this study are 80 participants who are basically involved in drug abuse education class. It involves 31 male students and 49 female students. This study is conducted by survey using questionnaire which have four sections as research instruments. Data and information will be evaluated via percentages and frequency only. The findings of the previous study have shown that drug abuse education in this school has its positive contribution towards the drug knowledge among students. More than fifty percent students also agreed that drug education session in school done effectively. Besides that, the findings for this research suggest that parents plays a crucial role in distributing drug abuse information to students compared to other sources. This research also recommends that drug education in school be improved by using variety of teaching and learning techniques by teachers.



PENGENALAN

Peningkatan masalah sosial terutama di kalangan remaja hari ini adalah antara perkara yang perlu diberikan perhatian oleh semua pihak. Ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Negara untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi serta jasmani. Masalah-masalah seperti salah laku, keganasan, persetubuhan haram, penyalahgunaan bahan dan lain-lain di kalangan remaja seakan-akan sudah sinonim dengan masyarakat kita pada hari ini.

Walaupun pelbagai program telah diatur oleh agensi kerajaan mahu pun bukan kerajaan bagi mengatasi masalah ini, ia masih sukar debendung malahan semakin menjadi-jadi. Antara masalah sosial yang dianggap sebagai salah satu musuh nombor satu negara adalah penyalahgunaan dadah.

Masalah dadah yang melanda negara ini bukanlah fenomena baru. Gejala ini wujud sejak zaman penjajahan Inggeris terutama di kalangan buruh bangsa Cina yang dibawa masuk ke negara ini untuk bekerja di sektor perlombongan. Kebanyakan mereka terdiri daripada penagih candu. Menyedari perlunya gejala penagihan ini dibendung, penjajah Inggeris menggubal Akta Dadah Berbahaya 1952 untuk mengawal dan mencegah masalah penagihan sebelum menjadi wabak yang sukar dikawal. (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2006).

Meskipun Akta Kawalan Dadah wujud sejak 1950-an, namun gejala penagihan masih sukar untuk dibendung. Gejala penagihan dadah masih sukar dibendung apabila golongan muda mula terbabit dengan penagihan heroin yang dibawa masuk ke negara ini. Meningkatnya pembabitan muda-mudi dalam penagihan dadah jenis heroin pada akhir 1960-an dan 1970-an menyebabkan kerajaan terpaksa menyediakan program rawatan dan pemulihan secara drastik. Pada Mei 1983, Kementerian Dalam Negeri dipertanggungjawabkan untuk merawat masalah ketagihan dadah. dan dalam masa yang sama Akta Penagih Dadah



(Rawatan dan Pemulihan) 1983 digubal dan dikuatkuasakan (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2006).

Utusan Malaysia pada 20 Mac 2006 melaporkan sebanyak sejuta golongan belia di negara ini terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Keadaan ini amat membimbangkan disebabkan remaja-remaja hari ini merupakan generasi yang bakal mencorakkan pembangunan negara pada masa akan datang. Golongan remaja ini akan menjadi pemimpin dan akan memainkan peranan penting demi memastikan negara terus maju seterusnya mencapai matlamat Wawasan 2020 dengan jayanya.

PENYATAAN MASALAH

Isu penyalahgunaan dadah pada hari ini terus menjadi agenda penting di dalam kesihatan umum masyarakat dunia disebabkan peningkatan bilangan individu yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan ini. Di Malaysia, keadaan penyalahgunaan dadah adalah ditahap yang membimbangkan. Berasaskan kajian Kementerian Belia dan Sukan (1997), 14% daripada 5860 remaja yang dikaji terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Bilangan penagih terus meningkat dari tahun ke tahun dengan 34,743 orang penagih ditangkap semenjak tahun 2004 sehingga Februari tahun 2005 (Agensi Antidadah Kebangsaan, 2006). Kebanyakan daripada mereka yang terlibat (76.3%) adalah terdiri daripada penagih-penagih yang mempunyai tahap pendidikan SRP/PMR dan juga SPM/MCE/SPMV.

Satu kajian di Amerika Syarikat dalam Samsudin (2006), mendapati antara faktor utama penglibatan remaja di dalam penyalahgunaan dadah adalah disebabkan oleh faktor genetik, biologikal, emosi, kognitif dan sosial. Selain daripada itu faktor individu seperti pemalu, agresif, personaliti impulsif dan pencapaian akademik yang rendah adalah antara faktor risiko kepada penyalahgunaan dadah. Pada Januari hingga Mac 2005, terdapat 10,473 penagih yang ditangkap



di mana 46.2% adalah penagih baru, manakala 53.8% adalah penagih berulang. Antara jenis dadah yang digunakan oleh penagih-penagih adalah heroin (36%), morfin (30%), kanabis (23%) dan metamphetamine (7%).

Mengikut perangkaan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) sebingga Mac 2006 terdapat sejumlah 292,696 penagih dadah di mana bagi setiap penagih yang dilaporkan, terdapat empat lagi penagih yang tidak dapat dikesan. Jika andaian ini hendak diterima pakai, maka anggaran penagih dadah di Malaysia adalah 1.2 juta orang. Daripada jumlah keseluruhan penagih dadah di Malaysia, 203,716 penagih adalah di kalangan generasi belia. Ini bermakna hampir dua peratus daripada 11.2 juta belia adalah penagih dadah.

Penyalahgunaan dadah juga menjadi penyebab pelbagai masalah kesihatan yang serius, dan ini secara tidak langsung meningkatkan kos perbelanjaan Kerajaan Persekutuan untuk sektor kesihatan. Jika dikaji Laporan Ekonomi 2002/2003 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia jelas sekali peruntukkan untuk sektor kesihatan telah meningkat dari RM 1.316 bilion pada tahun 2002 ke RM 1.790 bilion pada tahun 2003.

Justeru untuk memperbaiki fenomena tersebut ke arah yang lebih baik dan positif, perubahan perlu dibuat bermula dari akar umbinya. Individu yang masih berada di alam persekolahan perlu didorong untuk mengubah gaya hidup mereka demi kesejahteraan hidup. Feigelman dan Feigelman (1993) dalam Mohanaraj (2003) menyatakan bahawa zaman kanak-kanak ke alam remaja merupakan zaman yang penuh dengan pelbagai pergolakan masalah dan diiringi pelbagai bentuk cabaran. Dalam mengatasi masalah ini remaja akan mencari jalan penyelesaian yang lebih mudah iaitu dengan melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah.



Sehubungan dengan itu, sekolah sebagai sebuah institusi yang menyampaikan segala ilmu pengetahuan kepada pelajar-pelajar dipilih sebagai lokasi kajian untuk mendapatkan segala maklumat berkaitan dengan pengetahuan pelajar-pelajar terhadap penyalahgunaan dadah. Sekolah adalah merupakan tempat yang paling berkesan untuk murid-murid menimba dan mempelajari serta mengaplikasi pelbagai kaedah pengetahuan yang didapati berdasarkan maklumat yang disampaikan oleh tenaga pengajar. Justeru guru dianggap sebagai pengantara paling berkesan untuk menyampaikan segala maklumat yang berkaitan dengan kesejahteraan hidup serta mengaplikasikan dan mengamalkan gaya hidup sihat sepanjang hayat (Kathleen, 2005).

Oleh itu, satu kajian akan dilakukan untuk melihat keberkesanan pengajaran topik penyalahgunaan bahan terhadap masalah penyalahgunaan dadah di kalangan murid tingkatan empat di sebuah sekolah menengah Lembah Klang.

SOROTAN LITERATUR

Secara umumnya, dadah dikelaskan kepada beberapa jenis. Nama-nama seperti morfin, heroin, kokain, ganja, amfetamin dan LSD, semua ini membayangkan jenis-jenis dadah yang boleh mendatangkan ketagihan (Dzulkifli,1998). Berasaskan ini, dadah boleh dikategorikan kepada jenis dadah yang boleh merangsang otak dan minda dan sejenis lagi adalah dadah yang boleh menekan fungsi otak dan minda. Jenis ketiga adalah bahan-bahan yang dipanggil halusinogen (William,2006).

Kebanyakan masyarakat berpendapat remaja adalah golongan yang penuh dengan dengan masalah atau penuh dengan konflik serta suka memberontak. Remaja ialah mereka yang berada dalam peringkat umur antara 12 tahun hingga 23 tahun dan merupakan satu peringkat zaman yang dipenuhi pergolakan dan tekanan. Zaman ini ialah zaman di mana remaja mengalami konflik dan perubahan ragam yang tidak menentu (Santrock,1998).



Kerajaan Malaysia khususnya memperuntukkan sebanyak RM 9.725 bilion pada tahun 2002 untuk perbelanjaan pembangunan pendidikan dan ianya merupakan 63.8 peratus daripada keseluruhan perbelanjaan untuk perkhidmatan sosial. Bagi tahun 2003 pula kerajaan Malaysia telah memperuntukkan sebanyak RM 9.795 bilion untuk pembangunan pendidikan dan ianya merupakan 60.7 peratus daripada peruntukan untuk perkhidmatan sosial (Laporan Ekonomi 2002/2003). Di Malaysia jumlah penduduk dianggarkan sebanyak 23.27 juta orang pada tahun 2000. Jumlah ini meningkat ke 26.66 juta orang pada tahun 2005. Bilangan pelajar yang belajar di sekolah menengah telah meningkat daripada 1.63 juta orang pelajar pada tahun 1995 ke 1.94 juta orang pelajar pada tahun 2000. Jelas di sini, bilangan pelajar semakin meningkat dari setahun ke setahun. Hal ini menyebabkan kerajaan Malaysia terpaksa menyediakan peruntukan yang agak tinggi dan memberi keutamaan kepada pendidikan terutamanya untuk golongan remaja yang bakal memimpin negara Malaysia.

Teori Pembelajaran Bloom (1976; petikan dari Mohamad, 2000), menyatakan perbezaan individu adalah disebabkan persekitaran di sekolah dan di rumah. Dalam model pembelajaran yang dikemukakan antara lain menekankan tentang kepentingan kualiti pengajaran yang boleh menyumbangkan kepada peningkatan pencapaian akademik dan motivasi murid. Kualiti pengajaran yang dimaksudkan merujuk kepada sejauh mana bimbingan, latihan peneguhan pembelajaran sesuai dengan keperluan pelajar. Ini menunjukkan motivasi atau minat seseorang murid bergantung kepada seseorang guru. Amalan-amalan guru ketika mengajar, memberi latihan dan kerja rumah mempunyai hubungan dengan minat pelajar terhadap pembelajaran mereka. Menurutny lagi di dalam pembelajaran, pelajar boleh mencapai kebolehan pembelajaran yang tinggi jika pelajar diberi pertolongan bila dan di mana mereka menghadapi kesukaran di dalam sesuatu pembelajaran.



Menurut Holt (1970; petikan dari Mohamad, 2000) sikap tidak mengambil berat guru terhadap pengajaran boleh menyumbang kepada kegagalan dan keciciran pelajar. Justeru, asas teori bagi kajian tentang keberkesanan pengajaran terhadap penyalahgunaan dadah di kalangan murid tingkatan empat ini adalah berdasarkan kepada Model Pengajaran Berkesan Carroll (1963). Pengajaran yang berkesan dan berkualiti akan dilihat melalui persepsi murid sebagai responden kajian dan pengetahuan yang didapati responden hasil pengajaran penyalahgunaan dadah di sekolah.

PENGAJARAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI SEKOLAH

Berdasarkan Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (1999) pengajaran mengenai penyalahgunaan bahan diperkenalkan kepada semua murid sejak dari peringkat peralihan hinggalah tingkatan lima di bawah matapelajaran Pendidikan Kesihatan. Pengajaran penyalahgunaan bahan adalah di bawah tunjang “Gaya Hidup Sihat”. Topik penyalahgunaan dadah diselitkan di bawah sukatan tajuk tersebut.

Berikut adalah objektif umum bagi pengajaran penyalahgunaan bahan dalam setiap tingkatan:

- **Peralihan** : murid-murid diberi penerangan tentang bahaya merokok, menghidu gam, mengambil minuman keras dan mengambil dadah
- **Tingkatan 1** : objektif umumnya adalah murid-murid dapat mengklasifikasikan antara ubat dan dadah pada akhir pengajaran.
- **Tingkatan 2** : seterusnya murid-murid akan didedahkan mengenai kesan pengambilan dadah kepada tubuh, keluarga dan negara semasa berada di tingkatan dua..
- **Tingkatan 3** : objektif umum pengajaran penyalahgunaan dadah bagi tingkatan ini mengkehendaki murid-murid memahami implikasi pengambilan dadah terhadap masyarakat, ekonomi dan keselamatan negara.



- **Tingkatan 4** : murid-murid dikehendaki memahami Dasar Dadah Negara serta langkah pengawalan dan pencegahan dadah sebagai objektif umum pengajaran penyalahgunaan dadah.
- **Tingkatan 5** : murid-murid dikehendaki memahami akta dan undang-undang dadah sebagai objektif umum di akhir sesi pengajaran penyalahgunaan dadah di sekolah menengah.

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif umum bagi penyelidikan ini ialah untuk meninjau sejauh mana keberkesanan pengajaran penyalahgunaan dadah di kalangan murid tingkatan empat di sebuah sekolah menengah di daerah Selangor. Ini disebabkan sekolah pada hari ini merupakan tempat di mana pelajar banyak didedahkan dengan gejala negatif berbanding dengan sumber. (King et al., 1995; Nutbeam et al., 1993). Pernyataan ini disokong (Peach, 1991) dalam kertas bertajuk “ A Study Concerning Stress among High School,” yang dibentangkan di Seminar Pendidikan Tahunan di Cookeville, United State yang menyatakan bahawa remaja yang menuntut di sekolah menengah merupakan golongan yang paling mudah terjebak dalam gejala sosial dan penuh dengan masalah kerana mereka berada di peringkat usia remaja iaitu peringkat berlakunya banyak perubahan dari segi biologi dan emosi yang menakutkan mereka membuat penyesuaian.

Objektif khusus kajian ini adalah untuk meninjau:

1. persepsi murid mengenai pengajaran dan pembelajaran penyalahgunaan dadah di sekolah.
2. sejauh manakah pendedahan mengenai penyalahgunaan dadah dapat diperolehi melalui Pembelajaran dan Pengajaran (P&P) di sekolah.
3. sumber utama yang memainkan peranan di dalam memberikan maklumat mengenai penyalahgunaan dadah kepada pelajar-pelajar.



PERSOALAN KAJIAN

Persoalan kajian yang akan dikaji dalam penyelidikan ini ialah:

1. Apakah persepsi murid mengenai pengajaran dan pembelajaran penyalahgunaan dadah di sekolah?
2. Adakah pengajaran dan pembelajaran penyalahgunaan dadah di sekolah membekalkan pengetahuan asas secukupnya kepada murid?
3. Dari manakah sumber murid memperolehi pengetahuan mengenai penyalahgunaan dadah?

KAEDAH KAJIAN

Penyelidikan ini adalah berbentuk kajian kes (case study). Kajian yang dijalankan bertujuan untuk mengukur tahap pengetahuan pelajar-pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah menengah harian biasa terhadap penyalahgunaan dadah. Selain dari itu, kajian ini ingin melihat pengetahuan pelajar-pelajar terhadap penyalahgunaan dadah berdasarkan P&P di sekolah dan melihat sumber utama yang menyalurkan maklumat mengenai penyalahgunaan dadah kepada pelajar-pelajar yang dikaji.

Sampel terdiri daripada 80 orang pelajar lelaki dan perempuan yang dipilih secara rawak. Kesemua pelajar ini telah diberi pendedahan mengenai penyalahgunaan dadah di dalam sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Pendidikan Kesihatan.

Instrument kajian yang digunakan di dalam penyelidikan ini ialah satu set soal selidik yang digubal sendiri oleh pengkaji berdasarkan sumber penulisan Judy



Gan (1993) "Pendidikan Pencegahan Dadah & Aids". Bahan tersebut dikaji dengan teliti dan tumpuan diberi terhadap aspek-aspek penting dalam meninjau keberkesanan pengajaran penyalahgunaan dadah di sekolah menengah. Berdasarkan maklumat itu, item soal selidik daripada karya-karya tersebut telah diubahsuai mengikut keperluan kajian ini.

Satu kajian rintis telah diadakan bagi menguji kebolehpercayaan item-item soalan yang digubal. Sebanyak 20 orang murid tingkatan empat di salah sebuah sekolah menengah di Daerah Gombak dipilih untuk kajian rintis ini. Alpha Cronbach digunakan untuk mengkaji ketekalan dalaman (*internal consistency*) terhadap soalan-soalan yang dibina. Untuk mendapatkan ketekalan dalaman, penyelidik menggunakan perisian " Statistical Package For Social Science" (SPSS) versi 11.5 untuk mendapatkan pekali ketekalan. Hasil ujian ini menunjukkan nilai Alpha Cronbach yang diperolehi berjulat .61. Nilai ini menunjukkan bahawa soal selidik tersebut sesuai digunakan untuk tujuan kajian. Ini kerana pekali kebolehpercayaan yang bernilai sekurang-kurangnya .60 sering digunakan sebagai asas menentukan keberkesanan soal selidik yang digunakan dalam kajian (Mohd Majid Konting,2000).



LIMITASI KAJIAN

Limitasi penyelidikan ini ialah :

1. Penyelidikan ini dihadkan hanya kepada murid sekolah tingkatan empat sahaja yang berlainan jantina, bangsa yang belajar di sebuah sekolah menengah harian biasa sekitar Shah Alam. Oleh yang demikian, dapatan penyelidikan tidak dapat mengeneralisasi keseluruhan populasi murid-murid sekolah menengah di Malaysia.
2. Penyelidikan ini juga dibataskan dengan hanya meninjau sebuah sekolah sahaja yang berada di dalam kawasan bandar. Justeru, ia tidak dapat menggambarkan dan mencakupi secara keseluruhan sekolah-sekolah menengah yang berada di luar bandar.
3. Item-item soalan yang dibentuk hanya meninjau pengetahuan am murid-murid terhadap masalah penyalahgunaan dadah. Oleh itu, kajian ini ditumpukan kepada murid sahaja dan tidak melibatkan guru-guru yang menyampaikan pengajaran penyalahgunaan dadah di sekolah.
4. Penyelidikan ini juga dibataskan dengan peranan ibu dan bapa murid yang menyalurkan maklumat mengenai masalah dadah. Justeru itu, ia tidak dapat menggambarkan secara keseluruhan peranan ibu bapa disebabkan hanya murid sahaja yang terpilih di dalam kajian ini.
5. Selain dari itu, kajian ini juga dibataskan dengan kejujuran dan keikhlasan murid ketika menjawab soalan yang mana di luar kawalan penyelidik.



RESPONDEN KAJIAN

Kesemua responden atau subjek kajian adalah terdiri daripada 80 orang pelajar tingkatan empat di mana terdapat 31 orang pelajar lelaki dan 49 orang pelajar perempuan yang dipilih secara rawak. Kumpulan ini dipilih berdasarkan kepada kandungan Huraian Sukatan Pelajaran bagi mata pelajaran Pendidikan Kesihatan yang mana mereka ini telah melalui sesi pengajaran dan pembelajaran isu penyalahgunaan bahan bermula daripada sekolah rendah atas sehingga ke peringkat menengah.

KEPENTINGAN KAJIAN

Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini adalah untuk mengetahui sejauh manakah pengetahuan pelajar terhadap penyalahgunaan dadah. Dapatannya dapat membantu penyelidik, pensyarah Pendidikan Jasmani dan Kesihatan dan guru-guru di dalam menyalurkan maklumat mengenai musuh utama negara dan sebagai bekalan pengetahuan yang berguna apabila pelajar-pelajar sudah menamatkan pengajian mereka di sekolah sebelum menempuh dunia pekerjaan.

Dapatan kajian ini diharapkan dapat membantu pelajar-pelajar untuk mempraktikkan amalan hidup yang positif yang memberikan tumpuan kepada gaya hidup yang sihat berfokuskan kecergasan fizikal, pemakanan seimbang, keselamatan diri dan bebas daripada penyalahgunaan dadah. Selain itu, dapatan kajian adalah diharapkan dapat memberi gambaran yang lebih tepat mengenai keberkesanan pengajaran penyalahgunaan dadah kepada pelajar-pelajar sekolah sebagai salah satu kaedah di dalam memastikan mereka tidak terjebak di dalam masalah ini. Mengikut statistik dari AADK (2006) daripada mereka yang terlibat 76.3% adalah terdiri daripada penagih-penagih yang mempunyai tahap pendidikan SRP/PMR dan juga SPM/MCE/SPMV.



Kajian ini juga diharap dapat membantu Kementerian Pendidikan, Agensi Antidadah Kebangsaan, PEMADAM dan agensi-agensi lain untuk meninjau sejauh manakah pelajar penerimaan maklumat berkaitan dengan penyalahgunaan dadah di sekolah. Sehubungan itu, kajian ini diharapkan mampu menjadi asas dalam membentuk strategi yang berkesan dan program pembelajaran yang sewajarnya dapat dirancang untuk pelajar berubah dari gaya hidup sedentari ke gaya hidup yang aktif. Diharapkan, semua maklumat dari kajian ini dapat digunakan untuk membantu para pendidik terutamanya di sekolah di dalam menyediakan modul, perancangan dan pengisian pengajaran yang lebih berkesan serta sistematik kepada pelajar-pelajar terhadap penyalahgunaan dadah.

DAPATAN KAJIAN

PERSEPSI MURID MENGENAI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN PENYALAHGUNAAN DADAH DI SEKOLAH

Dapatan kajian menunjukkan lebih dari separuh subjek kajian (91.3%) tidak pernah merokok, tetapi terdapat 1 subjek kajian (1.3%) pernah mengambil dadah. Namun demikian didapati bahawa tiada perhubungan yang signifikan di antara subjek yang merokok dengan tahap pendidikan ibu bapa mereka pada korelasi sifar. Ini bermakna tidak terdapat hubungan sebenar di antara subjek yang merokok dan tahap pendidikan ibu bapa subjek. Hampir keseluruhan subjek kajian (98.8%) tidak mempunyai ahli keluarga yang terlibat dengan penagihan dadah. Hampir separuh daripada subjek (42.5%) mendapat pengetahuan mengenai dadah buat pertama kalinya melalui sekolah.

Seterusnya kajian mendapati, 30 subjek kajian (37.5%) tidak pasti sama ada guru mempunyai cukup pengetahuan untuk mengajar topik penyalahgunaan dadah manakala, 33 subjek kajian (41.3%) bersetuju dengan pengetahuan yang ada pada guru, berbanding dengan 5 subjek (6.3%) yang tidak bersetuju.



Dapatan kajian juga mendapati lebih dari separuh subjek kajian iaitu 49 subjek (61.3%) mendapati guru sering memberikan contoh akibat penagihan dadah. Manakala terdapat 5 subjek (6.3%) tidak bersetuju dan 12 subjek (15%) tidak pasti guru mengemukakan contoh akibat penagihan dadah sebagai salah satu kaedah pengajaran. Analisa data menunjukkan hanya 10 subjek kajian (12.5%) tidak bersetuju guru menggunakan kaedah menarik untuk mengajar salah guna dadah.

Terdapat 28 subjek (35%) bersetuju guru menggunakan berbagai kaedah pengajaran yang menarik dan 21 subjek (26.3%) tidak pasti dengan pernyataan tersebut. Namun demikian, lebih dari separuh subjek kajian (45%) setuju guru menggunakan sesi soal jawab dan perbincangan sebagai kaedah pengajaran penyalahgunaan dadah, manakala terdapat (8.8%) dari keseluruhan subjek kajian yang tidak bersetuju. Kesimpulannya, analisa mendapati kebanyakan subjek kajian setuju dengan setiap pernyataan mengenai pengajaran pembelajaran penyalahgunaan dadah di sekolah. Dapat dikatakan bahawa, sesi pengajaran pembelajaran penyalahgunaan dadah di sekolah menunjukkan keberkesanannya.

Guru dan murid perlu memainkan peranan masing-masing agar suasana pengajaran pembelajaran penyalahgunaan dadah menjadi lebih menarik. Menurut Caroll (1963) pengajaran berkesan melibatkan faktor kawalan guru dan kawalan pelajar. Kedua-dua faktor berkenaan mesti berjalan seiring bagi mencapai matlamat pengajaran berkesan.

Kesimpulannya, berdasarkan dari dapatan kajian, murid mempunyai pengetahuan yang meluas hasil pengajaran penyalahgunaan dadah di sekolah. Ini bersesuaian dengan pendapat Keith & Shonna (2003) bahawa sekolah pada hari ini merupakan tempat yang paling sesuai untuk pelajar menerima maklumat berkaitan dengan faktor yang menjadikan risiko terhadap kesihatan.



PENGETAHUAN ASAS PELAJAR MENGENAI PENYALAHGUNAAN MELALUI PROSES P&P

Jadual 1 : Analisis kekerapan dan peratusan pengetahuan subjek berdasarkan pernyataan yang dikemukakan mengenai penyalahgunaan dadah

Soalan	Kekerapan (Betul)	Kekerapan (Salah)	Betul (%)	Salah (%)
Dadah ialah bahan kimia psikoaktif yang membawa kepada pengantungan fizikal dan psikologikal	73	7	91.3	8.8
Dadah jenis perangsang atau stimulant merangkumi dadah amfetamin dan kokain	71	9	88.8	11.3
Dadah jenis morfin dan heroin boleh mengubah pencerapan deria dan pandangan visual	65	15	81.3	18.8
Dadah adalah bahan yang diperoleh secara haram	53	27	66.3	33.8
PEMADAM ialah Persatuan Mencegah Dadah Malaysia	63	17	78.8	21.3
Dadah mempunyai kesan paling ketara ke atas sistem saraf pusat (otak dan saraf tunjang)	75	5	93.8	6.3
Malaria dan demam denggi adalah penyakit yang berkaitan dengan penagihan dadah	19	61	23.8	76.3
Penghisapan dadah jenis ganja boleh menyebabkan ibu-ibu yang mengandung melahirkan bayi-bayi yang cacat	74	6	92.5	7.5
Dadah jenis heroin boleh mengakibatkan seseorang itu menjadi mandul	59	21	73.8	26.3
Dari segi fizikal, seseorang penagih dadah akan mejadi kurus, lemah tenaga batin, malas dan kelihatan berada dalam khayalan	74	6	92.5	7.5



Analisa data dari jadual 1, menunjukkan seramai 73 subjek kajian (91.3%) menjawab betul, berbanding 7 subjek kajian (8.8%) yang menjawab salah bagi item pertama iaitu, 'Dadah ialah bahan kimia yang membawa kepada pengantungan fizikal dan psikologikal'. Item ke- 2 adalah, 'Dadah jenis perangsang atau stimulant merangkumi dadah amfetamin dan kokain'. Seramai 71 subjek kajian (88.8%) menjawab betul dan hanya 9 subjek kajian (11.3%) menjawab sebaliknya. Berdasarkan jadual di atas, didapati lebih dari separuh subjek kajian iaitu 65 (81.3%) menjawab betul item ke- 3.

Hanya 15 subjek kajian (18.8%) menjawab salah pernyataan, 'Dadah jenis morfin dan heroin boleh mengubah pencerapan deria dan pandangan visual'. Seramai 53 subjek kajian (66.3%) menjawab betul pernyataan ke- 4 iaitu, 'Dadah adalah bahan yang diperoleh secara haram'. Manakala 27 subjek kajian (33.8%) menjawab sebaliknya pernyataan tersebut. Analisa data seterusnya, menunjukkan seramai 63 subjek kajian (78.8%) menjawab betul, berbanding 17 subjek kajian (21.3%) yang menjawab salah pernyataan ke- 5 iaitu, 'PEMADAM ialah Persatuan Mencegah Dadah Malaysia'. Item ke- 6, 'Dadah mempunyai kesan paling ketara ke atas sistem saraf pusat (otak dan saraf tunjang)'. Hampir keseluruhan subjek kajian iaitu 75 (93.8%) menjawab betul dan hanya 5 (6.3%) subjek kajian menjawab salah.

Hanya 19 subjek kajian (23.8%) menjawab betul bagi pernyataan, iaitu, 'Malaria dan demam denggi adalah penyakit yang berkaitan dengan penagihan dadah'. Manakala seramai 61 (76.3%) subjek kajian menjawab sebaliknya bagi pernyataan item ke- 7. Bagi pernyataan item ke- 8, iaitu, 'Penghisapan dadah jenis ganja boleh menyebabkan ibu mengandung melahirkan bayi yang cacat', didapati seramai 74 subjek kajian (92.5%) menjawab betul pernyataan tersebut berbanding 6 subjek kajian (7.5%) menjawab salah. Item ke- 9 adalah, 'Dadah jenis heroin boleh mengakibatkan seseorang itu menjadi mandul'.



Merujuk data dari jadual 18, menunjukkan lebih dari separuh subjek kajian iaitu 59 (73.8%) menjawab betul pernyataan tersebut dan hanya 21 subjek kajian (26.3%) menjawab salah. Manakala bagi item terakhir iaitu, ' Dari segi fizikal, seseorang penagih dadah akan menjadi kurus, lemah tenaga batin, malas dan kelihatan berada dalam khayalan', didapati hampir keseluruhan subjek kajian (92.5%) menjawab betul pernyataan tersebut.

SUMBER UTAMA PEROLEHAN MAKLUMAT MENGENAI PENYALAHGUNAAN DADAH KEPADA PELAJAR

Jadual 2: Analisis kekerapan dan peratusan sumber paling utama yang memberikan maklumat mengenai penyalahgunaan dadah.

Sumber	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Guru dan sekolah	27	33.8
Ibu bapa	43	53.8
Pengalaman anggota keluarga	10	12.5
Media cetak	25	31.3
Media elektronik	23	28.8

Seterusnya dari kajian juga didapati, seramai 43 subjek kajian (53.8%) memilih ibu bapa sebagai sumber yang paling utama bagi memberikan maklumat mengenai penyalahgunaan dadah berbanding dengan 27 subjek (33.8%) yang memilih guru dan sekolah. Kesimpulannya, lebih 50% subjek memilih ibu bapa sebagai sumber paling utama dalam memberikan maklumat mengenai penyalahgunaan dadah.



KESIMPULAN

Kesimpulannya, analisa mendapati kebanyakan subjek kajian setuju dengan setiap pernyataan mengenai pengajaran pembelajaran penyalahgunaan dadah di sekolah. Dapat dikatakan bahawa, sesi pengajaran pembelajaran penyalahgunaan dadah di sekolah menunjukkan keberkesanannya. Guru dan murid perlu memainkan peranan masing-masing agar suasana pengajaran pembelajaran penyalahgunaan dadah menjadi lebih menarik. Menurut Caroll (1963) pengajaran berkesan melibatkan faktor kawalan guru dan kawalan pelajar. Kedua-dua faktor berkenaan mesti berjalan seiring bagi mencapai matlamat pengajaran berkesan.

Lebih daripada separuh subjek kajian didapati mempunyai pengetahuan mengenai penyalahgunaan dadah. Analisa menunjukkan bahawa hampir keseluruhan subjek kajian berjaya menjawab soalan dengan betul iaitu dengan nilai sekurang-kurangnya 85 peratus (Rujuk jadual 18). Dari kajian juga didapati lebih daripada separuh subjek kajian mempunyai pengetahuan tentang bahayanya dadah, kesan atau akibat daripada penagihan sebarang jenis dadah berdasarkan pernyataan yang diberikan dalam soal selidik.

Secara keseluruhan berdasarkan dari dapatan kajian, murid mempunyai pengetahuan yang meluas hasil pengajaran penyalahgunaan dadah di sekolah. Ini bersesuaian dengan pendapat Keith & Shonna,(2003) bahawa sekolah pada hari ini merupakan tempat yang paling sesuai untuk pelajar menerima maklumat berkaitan dengan faktor yang menjadikan risiko terhadap kesihatan. Seterusnya dari kajian juga didapati, seramai 43 subjek kajian (53.8%) memilih ibu bapa sebagai sumber yang paling utama bagi memberikan maklumat mengenai penyalahgunaan dadah berbanding dengan 27 subjek (33.8%) yang memilih guru dan sekolah. Kesimpulannya, lebih 50% subjek memilih ibu bapa sebagai sumber paling utama dalam memberikan maklumat mengenai penyalahgunaan dadah.



IMPLIKASI

Kementerian Pelajaran Malaysia merupakan antara pihak yang perlu merujuk kepada hasil kajian ini. Implikasi yang positif boleh diperhatikan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dalam mewujudkan satu kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan untuk kesemua sekolah di negara kita. Ini selaras dengan usaha pihak kerajaan untuk memastikan negara bersih daripada najis dadah menjelang tahun 2015. Pihak pendidikan perlu memastikan guru yang memberikan informasi mengenai isu penyalahgunaan dadah memiliki latar belakang Pendidikan Jasmani dan Kesihatan supaya sesi pengajaran dan pembelajaran penyalahgunaan dadah lebih memberi impak yang sangat besar kepada pelajar sekolah. Guru perlu mempunyai maklumat yang lebih banyak mengenai isu penyalahgunaan dadah disebabkan guru seharusnya menjadi sumber rujukan utama berdasarkan pengetahuan sedia ada mereka, berbanding sumber-sumber lain.

Kementerian Pelajaran Malaysia perlu berusaha untuk melahirkan guru-guru terlatih di dalam bidang penyalahgunaan dadah dan menjadikan topik ini sebagai mata pelajaran yang berasingan sekaligus menjadikan sekolah sebagai sumber yang paling penting di dalam menyalurkan maklumat kepada murid-murid berkaitan dadah. Selain dari itu, semua maklumat yang diperolehi dalam kajian ini juga boleh digunakan oleh guru-guru Pendidikan Kesihatan di semua sekolah-sekolah menengah perguruan untuk menyediakan modul, perancangan dan pengisian pengajaran yang lebih berkesan serta sistematik bersesuaian dengan keperluan semasa dan cabaran terkini berkaitan dengan penyalahgunaan dadah. Segala peluang pembelajaran (learning opportunities) yang disediakan oleh guru hendaklah mendatangkan pengalaman pembelajaran (learning experiences) yang membawa kesan terhadap perubahan tingkah laku dalam jangka masa panjang. Peluang pembelajaran dalam berbagai situasi, baik di dalam bilik darjah atau di luar kawasan sekolah, seharusnya menyeronokkan, bererti dan memantapkan lagi pembelajaran murid. Proses pembelajaran berlaku



di kalangan murid kerana guru telah mengajar, tetapi sebaliknya, guru telah mengajar tidak beerti murid – muridnya telah mempelajari apa yang diajarnya. Justeru, adalah penting bagi tenaga pengajar memastikan pengajarannya benar – benar memberi kesan yang diharapkan. Salah satu cara untuk guru mengelakkan kebosanan di kalangan murid ialah dengan mempelbagaikan kaedah dan teknik pengajarannya. Pilihlah teknik yang sesuai berdasarkan tajuk pengajaran agar dapat menarik minat dan memotivasikan murid – murid seperti penayangan video, ceramah penagihan dadah dan sebagainya.

Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) juga perlu bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dalam menghasilkan modul atau kurikulum penyalahgunaan dadah yang lebih sesuai dan mengikut perubahan terkini. Ini adalah untuk memastikan setiap kandungan mata pelajaran yang diajar oleh guru tidak bersesuaian dengan peredaran masa kini. Oleh yang demikian, pelajar-pelajar akan mendapatkan pengetahuan yang lebih terkini dan bersedia menghadapi segala kemungkinan apabila tamat zaman persekolahan. Pameran dan seminar Antidadah yang banyak dianjurkan bersama oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) selama ini perlu diteruskan dan dipertingkatkan agar usaha menangani masalah penyalahgunaan dadah dapat dilaksanakan.

Ibu bapa pelajar juga perlu memainkan peranan penting dalam memastikan usaha melihat generasi muda akan datang bebas daripada masalah penyalahgunaan dadah. Walaupun waktu seharian pelajar-pelajar banyak dihabiskan di sekolah, namun sebagai ibu bapa pengetahuan mengenai isu penyalahgunaan dadah perlu diketahui agar kita dapat membantu memberikan maklumat yang tepat mengenai isu penyalahgunaan dadah ini. Pelajar-pelajar menganggap ibu bapa sebagai contoh terbaik mereka untuk dicontohi, oleh itu keperibadian dan pengetahuan yang cukup perlu dimiliki agar pelajar-pelajar ini tidak mendapatkan maklumat yang salah daripada sumber lain. Perkara



seumpama ini boleh merosakan pengetahuan dan tatasusila pelajar-pelajar ini dengan menjurus ke arah masalah penagihan dadah.

CADANGAN

Kajian ini mempunyai beberapa cadangan terutamanya bagi mereka yang terlibat secara langsung dengan sesi pengajaran pembelajaran penyalahgunaan dadah di sekolah-sekolah khususnya di peringkat menengah. Walaupun kajian yang dijalankan hanya mengfokus kepada murid sekolah menengah yang berada di kawasan bandar semenanjung Malaysia sahaja, dapatan yang diperolehi dapat memberi kefahaman yang lebih baik berkaitan dengan keberkesanan pengajaran terhadap penyalahgunaan dadah di sekolah-sekolah. Secara amnya, dapatan kajian menunjukkan pengajaran penyalahgunaan dadah di salah sebuah sekolah menengah di sekitar kawasan Shah Alam adalah berkesan.

Berdasarkan perbincangan dan kesimpulan kajian, beberapa cadangan telah disarankan oleh penyelidik untuk kajian lanjutan. Kajian lanjutan berbentuk longitudinal perlu dijalankan oleh penyelidik pada masa depan dalam usaha untuk memahami tingkah laku atau pun sikap murid-murid terhadap sesi pengajaran pembelajaran penyalahgunaan dadah dengan membuat perbandingan antara sekolah di kawasan bandar dan luar bandar.

Maklumat yang diperolehi dapat memberi gambaran yang lebih jelas dan tepat mengenai tingkah laku murid serta keupayaan sesi pengajaran pembelajaran penyalahgunaan dadah di sekolah. Kajian ini memerlukan satu kajian yang dinamik dalam sesuatu tempoh jangka panjang (antara satu hingga dua tahun). Pengumpulan maklumat berkaitan dengan sikap atau tingkah laku murid-murid yang tepat dan sebenar terhadap sesi pengajaran pembelajaran penyalahgunaan dadah di sekolah dapat diperolehi dari masa ke semasa.



Kajian-kajian seperti ini, perlu diperluaskan lagi, bagi isu-isu yang lain. Kajian ini dilakukan berdasarkan sebuah sekolah yang terletak di bandar sahaja. Bagaimana dengan sekolah-sekolah yang terletak di luar bandar? Apakah kesannya, jika kajian seperti ini dilakukan ke atas isu atau masalah lain-lain? Pengkaji-pengkaji, bolehlah melakukan kajian-kajian seperti ini untuk melihat keberkesanannya.

Hasil daripada kajian juga boleh mengenalpasti sejauhmana tahap kefahaman atau perubahan dari segi kesihatan murid – murid di mana pihak sekolah boleh merancang aktiviti – aktiviti yang mampu meningkatkan taraf kesedaran murid betapa pentingnya menjaga kesihatan dari segi jasmani, emosi, rohani yang menyumbang kepada tahap intelektual yang baik.

Kajian-kajian seperti ini masih kurang dijalankan dan penyelidik berpendapat ia seharusnya menjadi alternatif untuk mengatasi masalah penyalahgunaan dadah di kalangan belia khususnya. Kajian yang menfokuskan kepada penyalahgunaan dadah perlu diperluaskan agar murid-murid atau golongan belia ini tidak terus terjebak di dalam masalah ini selaras dengan impian kerajaan untuk melahirkan generasi yang cemerlang, gemilang dan terbilang menjelang tahun 2020.

Namun pihak yang berkenaan seperti guru, penggubal sukatan matapelajaran perlu meningkatkan lagi kualiti teknik pengajaran dan pembelajaran serta menggubal topik penyalahgunaan dadah menjadi lebih menarik dan terperinci. Perlaksanaan topik ini perlu menjadi lebih berkesan dalam usaha melahirkan generasi muda yang mempunyai pengetahuan yang cukup mengenai penyalahgunaan dadah sebelum melangkah ke dunia luar persekolahan.

Intervensi dan Inisiatif yang dijalankan hendaklah bermatlamat untuk melahirkan murid-murid sekolah yang mempunyai pengetahuan yang cukup berkaitan masalah penyalahgunaan dadah supaya generasi hari ini faham dan jelas akan kesan jangka panjang akibat penyalahgunaan dadah. Lebih banyak program-



program usahasama patut dijalankan dengan ibu bapa, guru dan pihak berwajib seperti AADK dalam memastikan pengajaran penyalahgunaan dadah ini memberikan kesan mendalam dan berkekalan dalam diri pelajar.

Rujukan

Agensi Antidadah Kebangsaan (ADK). www.mohr.gov.my. (15 Jun 2006).

Berita Harian, 9 Ogos 2006. Syabu punca utama jenayah meningkat.

Borg, W.R. & Gall, M.D. (1983). *Education research : An Introduction*. New York : Longman Inc.

Bloom, B. S. (1976). *Human Characteristic and School Learning*. New York: McGraw-Hill Higher .

Caroll, J. (1963). A Model of School Learning. *Teacher College Record*, 64, pg. 723-733.

Chasen, L., Presson, C.C., Sherman, S.J., & Edwards, D.J. (1990). The natural history of cigarette smoking : Predicting young adult smoking outcomes from adolescent smoking pattern. *Health Psychology*, 9, 701-716.

Chen, K. & Kandel, D.B. (1998). Predictors of cessation of marijuana use-an event history analysis. *Drug Alcohol Depend.* 50 (2), 109-121.

Cole, L.C. & Hall, I.N., (1970). *Psychology of Adolescent*, (edisi ke-7), Holt, Rinehart & Winston, New York.

Darothy, R. (1972). *The Psychology of Adolescent* (edisi ke- 2), Appleton. Century Crofts, New York.



Fingelman, B. & Feigelman, W. , (1993). *Threating the adolescent substance abuser*. In S.L.A. Straussner (Ed), clinical work with substance abusing clients, New York : Grilford.

Fraser, M.W. (1987). Reconsidering drug involvement among youth & young adults : Implication for targeted primary prevention. *Journal of Sociology and Social Welfare*, 14 (4), 21-46.

Freud, A. (1958). “ Adolescence as a Developmental Disturbance “, dalam Caplar, G. & Lebovici, S. (eds), *Adolescence : Psychosocial Perspective*, Basic Books, New York.

Gay, L.R. (1981). *Education research : competencies for analysis and application*. Ohio : Charles E. Merril Publication.

Hashim Othman. (1989). Persepsi guru-guru terlatih terhadap kursus khas pengajaran Bahasa Malaysia. *Tesis Sarjana Pendidikan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Holt, J. (1970). *How children fail*. New York : Holt Rinehart and Winston.

Huraian Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (1999), Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Jabatan Narkotik. Polis Diraja Malaysia. www.rmp.gov.my (15 Jun 2006).

Jabatan Perangkaan Negara. www.statistics.gov.my. (15 Jun 2006).

Jerrold, S.G., George, B.D., & Barbee, M.O. (2004). *Physical fitness and wellness* (edisi ke-3), “ Changing the way you look, fell and perform”. Human Kinetics Publication, p. 297-314.



Johnston, L.D., O' Malley., P.M., & Bechman, J.G. (1996). *National Survey Result in drug use from the monitoring in the future study, 1975-1995*. Vol 1 : Secondary school standards. NIDA, NIH Publication No 8-4139, Washington, DC, Government Party Office.

Judy, G. (1993). *Pendidikan Pencegahan Dadah & Aids*. Fajar Bakti, Kuala Lumpur.

Kathleen, J.Z. (2005). How Physical Education Teacher Education Major Should Be Prepared to Teach Students. Educational Administrator of School & Program. *American Annals of the Deaf*. 273-282.

Keith, A.K., & Shonna, B. (2003). University students perceived effectiveness of their high school health education. *American Journal of Health Education*. May / June 2003, (34). p. 122.

Kementerian Belia dan Sukan. (1997). *Pendidikan Jasmani dan Kesihatan*. Karisma Publication Sdn Bhd. (2001). 167-174.

Kementerian Keawangan Malaysia. (2002). *Laporan ekonomi 2002/2003*. Kuala Lumpur. Percetakan Nasional Malaysia Berhad.

Kementerian Pendidikan Malaysia. (1997). *Perangkaan Pendidikan di Malaysia*.

Kerlinger, F. (1973). *Foundation of behavior research*. New York : Holt Rinehart and Winston.

Kumar, S. (2000). Penyalahgunaan bahan (substance abuse) di kalangan pelajar di sebuah kolej swasta. *M.A. thesis*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.



Mahmood, Nazar, M. (2002). *Memulihkan kesan pengambilan bahan psikoaktif*. PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd. 32-86.

McLann, U.D., (2000). Positron emission tomographic evidence of toxic effect of MDMA, on brain serotonin neurons in human being. *The Lancet*, 1433-1437.

Melinda, M.P., & Denise, D.H. (2004). Implementing evidence-based substance use prevention curricula on North Carolina Public School District. *The Journal of School Health*. Nov. 2004, Vol . 74, pg 353.

Mohamad Sultan, F. (2000). Kualiti pengajaran di sebuah sekolah menengah Daerah Sabak Bernam. *M.A. thesis*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohanaraj, K. (2003). Penyalahgunaan bahan merbahaya di kalangan pelajar di sebuah sekolah menengah swasta di Daerah Klang. *M.A. thesis*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Mohd Majid, K. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Morser, C.A, & Kalton, G.C. (1997). *Survey method in social investigation*. (edisi ke-2). London : Hoinemana Education Books Ltd.

Newcomb, M.D., & Bentler, P.M. (1989). Substance use and abuse among children and teenagers. *American Psychologist*, 22 (2), 242-248.

Nielsen, L. (1981). *Adolescence : A contemporary view (edisi ke-2)*. Forthwoth : Harcourt Bruce College Publication.

Parrot, A.C., Sisk, E., & Turner, J.J.D. (2000). Psychobiological problems in heavy ecstasy (MDMA) polydrugs users. *Drug Alcohol Depend*. 60, 105-110.



Peach, L. (1991). A study concerning stress among high school students in selected rural schools. *Paper presented at the Annual Education Conference*. (Cookeville, TN, August 12, 1991). (CD-Rom). ERIC Document No. ED 336253.

Pederson, W., Skrondal, A. (1999). Ecstasy and new pattern of drug use : a normal population study. *Addiction*, 94 (11), 1695-1706.

PEMADAM. [www. mmserve.com/drugs/pemadam](http://www.mmserve.com/drugs/pemadam). (15 Jun 2006).

Samsudin A.Rahman & Haji Iran Herman. (1996). *Remaja dan AIDS*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan.

Santrock, A.C., & Wright, J.C. (1997). *Mass media and children's development in* I.E Siegel, & K.A. Renniger (Eds). *Handbook of Child Psychology* (edisi ke-5), vol 4. New York : Wiley.

Schraman, W., & Roberts, D.F. (1993). *Kanak-kanak belajar daripada media massa*. Terjemahan Wan Azahan Wan Muhamad & Zainal Abidin Bakar. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Siti Gazalba. (1981). *Pembimbing latihan ilmiah dan tesis*. Kuala Lumpur : Penerbit Pustaka Antara.

Slavin, R.E. (1987). A theory of school and classroom organisation. *Educational Psychologist*, 22, 89-108.

The News Strait Times, 4 Jun 2006. Treatment works for drug addiction.



Thomas, W. (1997). Drug use and drinking among student in 36 countries. *Addict Behaviour*, 25 (3), 445-460.

Tobler, N.S., Roona, M.R., Ochshom, P., Marshall, D.G., Streke, A.V., & Stakpole, K.M. (2000). School- based adolescent drug prevention program : 1998 meta – analysis. *Journal of Primary Prevention*. 20, 275-336.

Utusan Malaysia, 3 April 2006. Ujian dadah di sekolah.

Weiner, I.B. (1993). *Psychological Distturbance in Adolescence*, New York : Wiley.

William, B.H., & Ralph, B.M. (1999). Drug education practise : result of an observational study. *Health Education Research* : February 1999 ; 14, 1 ; Health and Medical Complete. pg. 85-97.

Wittchen, H.W., (1998). Test-retest realibility of the computerized DSM. IV verson of the Munich-composite International Diagnostic Interview (M-CIDI). *Social Psychiatry Epidomiol.* 33, 568-578.

Yu, J., & Williford, W. (1994). Alcohol, other drugs and criminality : A structural analysis. *American Journal of Drug Alcohol Abuse*, (20) 373-393.